

LATIHAN TANDA BACA

.....

Teliti penggunaan **TANDA BACA** dalam ayat-ayat di bawah ini. Kemudian, pilih jawapan sama ada **BETUL** atau **SALAH**.

1. Ikan-ikan yang ditangkap itu akan dijual di Pasar Gadong.

2. Budak lelaki itu menangis, lalu memanggil ibunya !

3. Perbualan mereka berkisarkan masalah pencemaran sungai.

4. Tasya, Fauziah dan Hamidah menemui Cikgu Faizal di bilik guru.

5. "Usah awak cuba mempengaruhi fikirannya?" kata Pak Tahir kepada isterinya.

6. Kami memberi sokongan yang padu kepada ketua murid, iaitu Badrul.

7. "Eh! Mengapa pintu rumah aku terbuka!" bisik Hafiz kepada diri sendiri.

8. "Kempen Budi Bahasa" itu dirasmikan oleh guru besar sekolah tadi pagi.

9. Amboi, cantiknya pakaian pengantin itu!

10. Jangan buang sampah di sini.

.....

Salin semula ayat-ayat di bawah **menggunakan tanda baca yang betul.**

1. aduhai sampai bilalah aku boleh bertahan dengan sikap buruknya itu

2. wanita itu masih kelihatan anggun walaupun sudah berumur 60 tahun

3. Maria hendak membeli buah limau anggur dan epal di pasar pagi hari ini

4. "Siapakah yang datang ke rumah kita tadi " tanya rizal kepada ibunya.

5. Kami akan melawat taman rama rama pada hujung minggu ini